


**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009**

PG. 22

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

**UiTM Sarawak
Conference 2008**

PG. 4

**Diploma Show:
Pelajar Grafik**

PG. 34

**UiTM Sarawak At
The International
Level**

PG. 40

UiTM Sarawak mengadakan Program Masyarakat Penyayang bersama Rumah Kebajikan Kanak- kanak Batu 12 Kuching Sarawak

Oktober 2008 - Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA Sarawak telah menjemput beberapa wakil dan kanak-kanak dari Rumah Kebajikan Kanak-kanak Batu 12 semasa program penutupan aktiviti persatuan pelajar mereka. Pihak fakulti amat berasa bangga kerana Prof. Madya Dr Jamil Hj Hamali, Pengarah kampus turut hadir untuk menyampaikan sumbangan berupa alat tulis kepada Puan Razemah Azool, wakil pengurusan Rumah Kebajikan berkenaan.

Program Masyarakat Penyayang ini merupakan program tahunan bagi Fakulti Perakaunan semenjak 2007. Pengarah kampus UiTM Sarawak telah menyatakan keperluan pelajar UiTM untuk melibatkan diri mereka dalam program-program berbentuk khidmat masyarakat dan aktiviti pelajar yang lain sama ada dianjurkan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar, Hal Ehwal Akademik dan universiti bagi melahirkan graduan model UiTM yang berkualiti dan bersahsiah baik. Malah beliau juga diberikan penghormatan untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang dari Pertandingan Pengucapan Awam, Pertandingan Pembinaan Ihsaniah dan Pertandingan ABG Prinsip Perakaunan.

DEBAT KEMERDEKAAN ALA PARLIMEN 2008 KATEGORI BAHASA MELAYU UiTM SARAWAK

Kelab Debat Bahasa Melayu di bawah Akademi Pengajian Bahasa UiTM Sarawak telah menganjurkan Pertandingan Debat Kemerdekaan bermula pada 12 September hingga 13 September 2008 bertempat di blok D (Peringkat Saringan dan Separuh Akhir) dan Dewan Kuliah 1 (Peringkat Akhir) yang dirasmikan oleh Pengarah Kampus UiTM Sarawak, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Jamil bin Haji Hamali. Semua pelajar daripada pelbagai Fakulti telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini dengan menghantar pasukan handalan masing-masing. Pertandingan ini adalah bertujuan mencungkil bakat pelajar kita dalam arena perdebatan serta memberi peluang kepada mereka untuk menunjukkan bakat serta menggalakkan persaingan yang sihat antara pelajar kita selain meningkatkan semangat patriotisme melalui penggunaan Bahasa Melayu di kalangan mereka. Seramai sepuluh pasukan yang bertanding adalah berdasarkan usul-usul daripada Pertandingan Debat Kemerdekaan 2008 untuk Institusi Pengajian Tinggi.

Pada peringkat Saringan, ia diadakan di Blok D dan sebanyak sepuluh pasukan telah bertanding pada 12 September 2008 dari 2.30 petang hingga 6.15 petang. Pertandingan pada peringkat saringan dibuat menggunakan kaedah kalah mati. Lima pasukan telah menang dan tiga lagi pasukan telah dipilih oleh para hakim berdasarkan pengiraan margin terbaik untuk bertanding pada peringkat suku akhir. Empat pasukan telah layak ke pertandingan peringkat Separuh Akhir yang ditangguhkan pula pada keesokan harinya, 13 September 2008 bermula 9.00 pagi di Blok yang sama. Pada peringkat Akhir pula yang berlangsung di Dewan Kuliah 1, pasukan 16 September (Kerajaan) yang diwakili oleh Jenny, Remmy dan Mohd Syafiee telah berdebat dengan pasukan Identiti Malaysia (Pembangkang) yang diwakili oleh Syaifulrizza, Syed Alwi dan Siti Shaheera. Dalam peringkat ini, keputusan lebih memihak kepada 16 September yang mana usul mereka telah diterima dan Pendebat Terbaik adalah Mohd Syafiee Hamdin. Keputusan Tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Maharajalela manakala Tempat ke-empat pula ialah pasukan Tun Mahathir. Syabas dan setinggi tahniah kami ucapkan di atas kemenangan pasukan-pasukan yang bertanding dalam platform perdebatan kali ini.



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK